UMP Terima Anugerah Cream Bagi Penerbitan Jurnal IJAME

Kuantan, 7 September- Universiti Malaysia Pahang (UMP) berbangga apabila International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME) terpilih antara 13 jurnal terbaik di negara ini yang menerima Skim Galakan Penerbitan (CREAM) bagi kategori Sains, Teknologi dan Perubatan.

Ketua Editor IJAME, Dr Muhamad Mohd Noor, berkata, pengiktirafan ini adalah kali pertama diterima sejak IJAME diterbitkan pada 2009 dan diindeks SCOPUS pada 2012.

"Ini adalah hasil daripada usaha pasukan IJAME dengan sokongan Penerbit UMP sejak tujuh tahun lalu dan pengiktirafan ini dapat menyuntik semangat kami untuk terus menerbitkan hasil penyelidikan ahli akademik di peringkat antarabangsa.

"Menerusi geran ini juga, kami bercadang untuk menambahbaikkan kualiti jurnal dengan mengadakan bengkel penilaian serta menganjurkan mesyuarat sidang editor setiap tahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menerima watikah Pengiktirafan Program Pemberian Taraf CREAM kepada jurnal tempatan di Langkawi, Kedah, baru-baru ini.

Hadir sama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Profesor Datuk Seri Ir. Dr Zaini Ujang.

Sementara itu, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pengiktirafan itu diberi selepas jurnal terbabit menepati kriteria yang ditetapkan oleh Pusat Sitasi Malaysia dan antaranya penerbitan telah diindeks dalam MyCite dan pangkalan data SCOPUS dan ISI.

Katanya, daripada jumlah terbabit tiga darinya telah diindeks di dalam World of Science (WoS)(ISI) dan 10 adalah diindeks di dalam SCOPUS.

Berita disediakan oleh Shalfarina Shahriman dari Penerbit UMP

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 07-09-2015, 16:38:38